

**SOALAN-SOALAN LAZIM BERKENAAN GARIS PANDUAN UNTUK
AKTIVITI PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN BAGI PELAJAR YANG
DIBENARKAN KEMBALI KE KAMPUS
(UNTUK PELAJAR SEMASA)**

UMUM

1. Bilakah pelajar semasa dibenarkan untuk kembali ke kampus?

Tarikh pelajar dibenarkan kembali adalah seperti berikut:

Kumpulan pelajar pascasiswazah (secara penyelidikan) (9 Jun 2020 – 30 Jun 2020 sahaja)

Kumpulan pelajar tahun akhir (1 Julai 2020 – 31 Julai 2020 sahaja)

2. Apakah jenis kategori pelajar semasa yang dibenarkan kembali ke kampus?

Buat masa ini, hanya pelajar-pelajar yang memenuhi kriteria berikut dibenarkan kembali ke kampus:

Kategori 1:

Pelajar pascasiswazah (secara penyelidikan) yang perlu menggunakan makmal, studio, dan bengkel

Kategori 2:

Pelajar prasiswazah tahun akhir yang perlu menggunakan makmal, studio, dan bengkel bagi menyiapkan Projek Tahun Akhir

Kategori 3:

Pelajar prasiswazah tahun akhir yang tiada talian internet dan peranti bagi pembelajaran dan pengajaran atas talian

Borang boleh diperolehi dari link dalam Announcement di UNIMAS Now dan juga laman web BPPs.

3. Apakah prosedur yang perlu dipatuhi sekiranya pelajar dibenarkan kembali ke kampus?

Semua pelajar dalam kategori 1 – 3 perlu mendapatkan kelulusan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) melalui Dekan fakulti masing-masing untuk kembali ke kampus.

Semua pelajar dimestikan untuk:

- i) memuat turun aplikasi MySejahtera, COVID Trace Sarawak, dan Qmunity

- ii) Semua pelajar diwajibkan mengisi borang *Covid Self-Assessment* yang terdapat dalam aplikasi UNIMAS Now, 3 hari sebelum kembali ke kampus.

Pelajar dari Semenanjung, Sabah, dan Labuan diwajibkan untuk:

- iii) mengisi borang deklarasi kesihatan (*E-Health Declaration*) (<http://sdmc.sarawak.gov.my>)

Pelajar yang bergejala serta berstatus *Person Under Investigation* (PUI) atau *People Under Surveillance* tidak dibenarkan kembali ke kampus.

Semua pelajar perlu mematuhi SOP bagi aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang ditetapkan oleh universiti. Pelajar yang mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dalam tempoh sebulan lepas wajib menjalani kuarantin selama 14 hari. Ujian swab akan dilaksanakan pada hari ke-10.

4. Sekiranya pelajar ingin pulang, adakah pelajar perlu membuat ujian saringan COVID-19?

Tidak perlu (merujuk keputusan SDMC pada mesyuarat khas pada 9 Jun 2020)

5. Adakah pelajar yang kembali ke kampus perlu menjalani kuarantin?

Tidak. Tetapi ini tertakluk kepada keputusan saringan kesihatan (*swab test*) secara rawak yang dilakukan di pintu masuk utama negeri.

6. Adakah pelajar perlu membeli tiket penerbangan atau tiket bas sendiri?

Ya.

7. Adakah pihak UNIMAS akan menyediakan pengangkutan untuk menjemput pelajar yang daripada Semenanjung ataupun luar Kuching dan Samarahan daripada lapangan terbang atau stesen bas?

Tidak.

8. Adakah pelajar bukan pelajar tahun akhir yang mempunyai masalah peranti dan akses internet dibenarkan untuk memohon kembali ke kampus?

Permohonan boleh dimajukan ke Fakulti melalui Dekan untuk pertimbangan dan kelulusan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).

Kelulusan tertakluk kepada kapasiti yang dibenarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

- 9. Jika saya balik ke UNIMAS 1 Julai ini, adakah saya boleh balik cuti semester nanti ke Semenanjung Malaysia dan kembali ke kampus lagi utk semester seterusnya?**

Boleh. Sebarang perubahan tertakluk kepada arahan terkini daripada KPT, MKN, dan SDMC.

- 10. Adakah Minggu Aluan Pelajar akan dilaksanakan? Sekiranya ya, apakah mekanisme pelaksanaan yang bakal dilaksanakan?**

Minggu Aluan Pelajar akan dijalankan secara atas talian.

- 11. Bagaimanakah proses pendaftaran pelajar baharu akan dilaksanakan?**

Pendaftaran Pelajar baharu akan mendaftar secara atas talian dan mereka akan tiba di kampus secara berperingkat berdasarkan tarikh yang tertera dalam surat tawaran.

- 12. Apakah kegunaan aplikasi WeCare UNIMAS?**

Aplikasi ini digunakan untuk memantau pergerakan pelajar yang berada di kampus.

Pelajar wajib log in dan mengambil suhu badan sebelum memasuki makmal/studio/bengkel dan perlu log out setelah selesai tugas di setiap makmal/studio/bengkel

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAHMAN YA'KUB (PeTARY)

1. **Bolehkah pelajar kembali ke kampus hanya ke PeTARY untuk urusan perlombongan data (data mining)?**

Tidak. Hanya pelajar **dalam kategori 1 – 3 sahaja** dibenarkan dan perlu mendapatkan kelulusan TNC (A&A) dan melalui Dekan fakulti masing-masing untuk kembali ke kampus.

2. **Apakah *Standard Operation Procedure (SOP)* yang perlu dipatuhi untuk memasuki Perpustakaan Tun Abdul Rahman Ya'kub (PeTARY)?**

SOP yang perlu dipatuhi untuk memasuki PeTARY ialah:

- SOP Pengurusan Perkhidmatan & Kemudahan
- SOP Pengurusan Pengguna (120 orang pengguna sahaja pada satu-satu masa)

3. **Adakah pelajar yang menyewa di luar kampus (UniGarden,Unijaya dsb) boleh kembali ke kampus dan menggunakan kemudahan/perkhidmatan perpustakaan dan makmal komputer di PeTARY?**

Hanya pelajar yang telah dikategorikan 1 – 3 sahaja dan telah mendapat kelulusan untuk kembali ke kampus boleh menggunakan kemudahan/perkhidmatan perpustakaan dan makmal komputer di PeTARY.

Kemudahan/perkhidmatan PeTARY yang dibuka berdasarkan pematuhan SOP PeTARY dan waktu operasi iaitu Isnin- Jumaat (8am-5pm) adalah seperti berikut:

- Makmal Komputer Santubong (Aras G) – 53 unit PC
- Makmal Komputer Terbuka (Aras LG)
- *The People's Space* – 8 unit PC
- *The Tentacles* – 4 unit PC
- Hub Sosial (untuk pengguna makan/minum di luar Auditorium pada Aras G) – 20 orang sahaja pada satu-satu masa

Perkhidmatan Pinjaman Bahan Cetak

- Pinjaman Buku Koleksi Umum – perlu patuhi SOP Pinjaman Bahan / Pemulangan Bahan
- Penggunaan Koleksi Khas secara Akses Terhad
- Pinjaman Tesis /Laporan Tahun Akhir (Jika belum ada dalam UNIMAS eThesis/FYP) secara Akses Terhad

KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR

- 1. Bagaimanakah dengan urusan penginapan pelajar yang dibenarkan kembali ke kampus?**

Pelajar yang telah mendaftar dalam kolej kediaman dalam Sem 2 Sesi 2019/2020 akan dibenarkan masuk ke kolej kediaman setelah mendapat kelulusan kembali ke kampus daripada TNC (A&A).

- 2. Adakah pelajar yang bukan penduduk kolej kediaman, dibenarkan untuk duduk di dalam kolej kediaman?**

Tidak.

- 3. Adakah pelajar akan dibenarkan keluar masuk kampus untuk membeli barangan keperluan?**

Pelajar yang menginap dalam kolej kediaman hanya dibenarkan keluar masuk kampus setelah mendapat kebenaran daripada Pengetua Kolej Kediaman. Masa untuk keluar masuk kampus adalah tertakluk kepada Bahagian Keselamatan UNIMAS.

- 4. Sekiranya kembali ke kampus, adakah kafe akan beroperasi seperti biasa?**

Kafe akan dibuka tertakluk kepada kemampuan operator dan bilangan pelajar yang mendiami kolej tersebut.

- 5. Adakah UNIMAS akan membenarkan dan mengeluarkan notis makluman untuk tuntutan barangan peribadi di kolej kediaman?**

Tuntutan barangan peribadi di kolej kediaman akan dibenarkan secara berperingkat setelah pihak Kolej Kediaman mengeluarkan jadual berdasarkan permohonan daripada pelajar.

- 6. Adakah pelajar akan tinggal di kolej masing-masing atau akan dikumpulkan di satu kolej sahaja?**

Pelajar akan dibenarkan tinggal di kolej masing-masing sepertimana pendaftaran semasa Sem 2 2019/2020.

- 7. Adakah Pelajar Tahun Akhir dibenarkan untuk menetap di kolej sementara sehingga berakhir sesi perkuliahan semester 2 sehingga Julai ini?**

Pelajar yang telah mendaftar dalam kolej kediaman dalam Sem 2 Sesi 2019/2020 akan dibenarkan masuk ke kolej kediaman setelah mendapat kelulusan kembali ke kampus daripada TNC A&A.

- 8. Adakah kebajikan pelajar seperti makan/minum dan pengangkutan disediakan seperti sebelum ini jika pelajar dibenarkan utk kembali ke kampus?**

Makan/minum dan pengangkutan adalah tanggungan pelajar sendiri.

- 9. Jika saya sebelum ini tinggal di luar, adakah saya akan dikenakan bayaran jika tinggal di asrama?**

Pelajar Non-Resident tidak dibenarkan tinggal di asrama.

- 10. Bolehkah saya balik ke kampung pada hujung minggu jika saya memilih tinggal di dalam kampus?**

Dibolehkan dengan kebenaran daripada Pengetua Kolej Kediaman.

AKADEMIK

1. **Apakah ada SOP makmal yang perlu dipatuhi sekiranya pelajar perlu melakukan kerja makmal?**

Ya, sila rujuk kepada SOP fakulti berkaitan.

2. **Bagi pelajar tahun akhir yang dibenarkan untuk kembali ke kampus, adakah kelas bersemuka akan dijalankan?**

Ya, hanya dibenarkan untuk kelas bersemuka yang berkaitan dengan fasiliti makmal/studio/klinikal dengan mematuhi SOP yang ditetapkan.

3. **Adakah sesi pertemuan bersama penyelia projek tahun akhir dibenarkan?**

Tidak dibenarkan, hanya boleh berhubung secara atas talian.

4. **Adakah pengumpulan data yang memerlukan responden secara fizikal dibenarkan?**

Ya, dengan syarat SOP yang telah ditetapkan oleh fakulti masing-masing dipatuhi.

5. **Adakah saya perlu membawa bekalan pelitup muka dan *hand sanitiser* sendiri bila perlu ke makmal fakulti?**

Pelajar perlu membawa bekalan pelitup muka dan digalakkan membawa *hand sanitizer* sendiri. *Hand sanitizer* juga akan disediakan di semua makmal fakulti.

PASCASISWAZAH

1. Untuk pelajar pascasiswazah, bila boleh kembali ke kampus dan bagaimana prosedur kemasukan ke kampus?

Pelajar pascasiswazah yang memenuhi kriteria dalam Kategori 1: Pelajar pascasiswazah (secara penyelidikan) yang memerlukan akses fizikal ke makmal, studio, dan/atau perlu menggunakan perkakas khas boleh kembali ke kampus secepat mungkin.

Semua pelajar dimestikan untuk:

- i) memuat turun aplikasi MySejahtera, COVID Trace Sarawak, dan Qmunity
- ii) Semua pelajar diwajibkan mengisi borang *Covid Self-Assessment* yang terdapat dalam aplikasi UNIMAS Now, 3 hari sebelum kembali ke kampus.

Pelajar dari Semenanjung, Sabah, dan Labuan diwajibkan untuk:

- iii) mengisi borang deklarasi kesihatan (*E-Health Declaration*) (<http://sdmc.sarawak.gov.my>)

Pelajar yang bergejala serta berstatus *Person Under Investigation* (PUI) atau *People Under Surveillance* tidak dibenarkan kembali ke kampus.

Semua pelajar perlu mematuhi SOP bagi aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang ditetapkan oleh universiti. Pelajar yang mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dalam tempoh sebulan lepas wajib menjalani kuarantin selama 14 hari. Ujian swab akan dilaksanakan pada hari ke-10.

2. Bagaimana caranya untuk membuat permohonan untuk bekerja di makmal?

Borang boleh diperolehi dari link dalam *Announcement* di *UNIMAS Now* dan juga laman web BPPs.

Setiap permohonan harus mendapat kelulusan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) sebelum pelajar dibenarkan meneruskan aktiviti mereka di kampus.

3. Apakah waktu berkerja normal?

Pelajar boleh bekerja di makmal daripada 8.45am sehingga 4.45pm. setiap Isnin sehingga Jumaat, kecuali pada cuti umum.

4. Adakah pelajar dibenarkan bekerja di makmal pada hujung minggu?

Tidak dibenarkan.

5. Adakah pelajar dibenarkan mengadakan perjumpaan secara bersemuka dengan penyelia dan staf?

Ya. Tetapi mesti mematuhi SOP yang dicadangkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu **Elakkan 3S / 3C**: iaitu elakkan kawasan yang **sesak (Crowded place)**, elakkan kawasan yang sempit (**Confined space**) dan elak **sembang** atau bertutur dengan jarak yang dekat (**Close conversation**) dan ikuti konsep 3W, kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (wash), memakai pelitup separuh muka di tempat awam atau jika bergejala (wear), dan amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan (warn).

6. Bagaimana kami hendak berurusan dan menghantar tesis?

Segala urusan penghantaran dokumen serta tesis akan dilaksanakan secara atas talian. Sila hantarkan salinan tesis dan dokumen berkaitan melalui emel ke fakulti dan pihak fakulti akan seterusnya akan mengambil tindakan sewajarnya dan emel kepada pihak PPS. Segala bentuk perhubungan dengan pelajar akan dijalankan secara atas talian.

7. Bagaimana viva voce akan dilaksanakan?

Viva voce akan dilaksanakan secara atas talian sehingga 31 Disember 2020.

8. Bagaimanakah proses pendaftaran untuk semester seterusnya?

Pendaftaran pelajar (dalam negara dan antarabangsa) untuk pengambilan Julai (Sesi Julai 2020) and pengambilan September/Oktober 2020 akan dijalankan secara atas talian.

9. Bilakah aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P&P) secara bersemuka akan dilaksanakan?

Buat masa sekarang, sebarang bentuk aktiviti **pengajaran dan pembelajaran secara** bersemuka hanya dibenarkan untuk kelas bersemuka yang berkaitan dengan fasiliti makmal/studio/klinikal.

Aktiviti P&P lain akan dimulakan selepas 1 Januari 2021, tertakluk kepada arahan pihak berkuasa.

10. Bilakah pelajar antarabangsa boleh kembali semula ke UNIMAS ?

Pelajar antarabangsa yang kini berada di luar negara dimohon untuk menunggu sehingga sempadan negara dibuka.

Bagi pelajar yang berada dalam Malaysia (di luar Sarawak):

- i. Mendapatkan surat kelulusan daripada Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

- ii. Memohon melalui portal (<https://sarawakdisastermc.com>)

Sebarang arahan untuk menjalankan perintah kuarantin adalah dibawah bidang kuasa SDMC.

11. **Adakah pelajar dibenarkan untuk bekerja di makmal lain selain dari makmal yang didaftarkan kepada mereka?**

Tidak. Semua pelajar cuma dibenarkan bekerja di makmal yang didaftarkan kepada mereka sahaja.

12. **Adakah pelajar dibenarkan membuat aktiviti kerja lapangan untuk tujuan mengambil sampel atau sebarang aktiviti berkaitan bersama pihak komuniti dan industri.**

Ya, dengan syarat SOP yang telah ditetapkan oleh fakulti masing-masing/SOP organisasi yang dilawat dipatuhi.

13. **Bagaimanakah metodologi penyelidikan bagi pelajar prasiswazah akan dilaksanakan?**

Atas talian sepenuhnya sehingga dimaklumkan kemudian.

KESELAMATAN

1. Nombor telefon untuk urusan keselamatan dan kecemasan dalam kampus

- i. Jika berlaku situasi yang melibatkan keselamatan dalam kampus atau No Bilik Kawalan 24 jam : 082-581000 (masa bukan waktu pejabat laluan akan dihadkan kepada 1 laluan)

2. Pintu Keluar Masuk Selatan Kampus Barat UNIMAS (TIGER)

Dibuka waktu puncak iaitu;

- i. Mulai jam **0630 pagi - 0830 pagi**
- ii. Mulai jam **0500 petang sehingga jam 0630 petang** hari berkerja
- iii. Bukan hari berkerja akan ditutup dan tidak beroperasi

3. Pintu Keluar Masuk Kampus Timur UNIMAS (INFO)

Dibuka waktu puncak iaitu;

- i. Mulai jam **0630 pagi - 0830 pagi**
- ii. Mulai jam **0500 petang sehingga jam 0630 petang** hari berkerja
- iii. Bukan hari berkerja akan ditutup dan tidak beroperasi

4. Pintu Keluar Masuk Kampus Luar UNIMAS

Tidak dibenarkan masuk melainkan atas urusan kerja (staf dan staf kontrak) sahaja. Pelajar perlu mendapatkan kelulusan daripada pihak pengurusan.

4. Proses pemeriksaan di Pintu Keluar Masuk kampus

Kemasukan ke kampus melalui Pintu Keluar Masuk perlulah melalui pemeriksaan anggota keselamatan yang bertugas di lokasi dan mohon memberi kerjasama bagi;

- i. Staf:

Kenderaan hendaklah berdaftar (mempunyai pelekat kenderaan rasmi UNIMAS). Dibenarkan masuk untuk urusan kerja dan proses pematuhan PKPP seperti pemeriksaan suhu dan rakaman rekod kehadiran dilakukan di PTj masing-masing.

- ii. Pelajar:

Semua pelajar dari luar kampus perlu melaporkan diri kepada anggota keselamatan yang bertugas untuk dilakukan proses SOP pematuhan PKPP seperti pemeriksaan suhu dan tujuan masuk ke kampus. Pelajar yang mempunyai kelulusan sahaja yang dibenarkan masuk. Kebenaran untuk masuk kampus adalah tertakluk kepada keputusan pihak pengurusan untuk kategori 1, 2 dan 3 yang diluluskan. Kelulusan ini perlu

diberikan/dipamerkan kepada petugas keselamatan yang bertugas di pintu keluar masuk kampus.

5. Adakah pelajar menginap dalam kampus dibenarkan keluar masuk kampus?

Pelajar yang menginap dalam kolej kediaman hanya dibenarkan keluar masuk kampus setelah mendapat kebenaran daripada Pengetua Kolej Kediaman. Kelulusan keluar dan masuk kampus adalah terhad kepada bilangan, masa dan lokasi yang ditetapkan. Kelulusan ini perlu diberikan/dipamerkan kepada petugas keselamatan yang bertugas di pintu keluar masuk kampus.

6. Adakah UNIMAS akan membenarkan dan mengeluarkan notis makluman untuk Kemasukan untuk tujuan peribadi seperti mengambil/meghantar barangan di kolej atau di mana-mana lokasi dalam kampus?

Tuntutan barangan peribadi di kolej kediaman akan dibenarkan secara berperingkat setelah pihak Kolej Kediaman mengeluarkan jadual berdasarkan permohonan daripada pelajar. Kelulusan ini perlu diberikan/dipamerkan kepada petugas keselamatan yang bertugas di pintu keluar masuk kampus.

7. Pekerja kontrak/pekerja pembersihan/pelawat:

Semua senarai di atas perlu melaporkan diri kepada anggota keselamatan yang bertugas untuk dilakukan proses SOP pematuhan PKPP seperti pemeriksaan suhu dan tujuan masuk ke kampus. Kebenaran masuk adalah kepada kerja-kerja yang telah diluluskan oleh PTJ yang terlibat. Sebagai contoh, pekerja kebersihan yang berkerja di zon yang ditetapkan, pekerja kontraktor melakukan kerja-kerja di kawasan yang ditetapkan dan pekerja penghantaran barangan akan dilakukan ke lokasi yang dituju dan keluar semula sejurus kerja selesai dilakukan.

8. Perkhidmatan e-hailing dan *personal on demand delivery*

Masih mengikut arahan PKPP peringkat UNIMAS iaitu perkhidmatan e-hailing tidak dibenarkan masuk ke dalam kampus dan *personal on demand delivery* (cthnya food panda dll) hanya dibenarkan setakat di pintu masuk utama kampus sahaja. Perkhidmatan ini setakat hari ini (10.6.2020) masih tidak dibenarkan

9. Adakah aktiviti fizikal dibenarkan dalam kampus

Aktiviti fizikal seperti bersukan yang telah dikeluarkan panduan oleh pihak MKN dan SDMC adalah dibenarkan. Aktiviti yang melibatkan sentuhan fizikal masih tidak dibenarkan dan aktiviti yang dibenarkan perlulah mematuhi syarat PKPP seperti penjarakan sosial dan langkah-langkah pembersihan diri yang sesuai.

10. Adakah pemakaian *facemask* dan penjarakan social 1 meter diamalkan dalam kampus?

Ya. Perlu dilakukan sepanjang masa apabila berurusan dengan individu lain dan amalan pembersihan sendiri perlu dilakukan dari semasa ke semasa seperti mencuci tangan dan proses disinfeksi yang bersesuaian.

11. Adakah boleh menganjurkan program atau aktiviti dalam kampus?

Segala aktiviti atau program adalah dilakukan perlu mendapatkan kelulusan daripada pihak pengurusan. Sekiranya diluluskan arahan dan garis panduan MKN serta KKM perlu dipatuhi sebilangan masa.

12. Adakah pelawat dibenarkan masuk untuk melawat pelajar dalam kampus?

Tidak dibenarkan kecuali dengan kelulusan pihak pengurusan kolej dan Bahagian Keselamatan. Kelulusan ini perlu diberikan/dipamerkan kepada petugas keselamatan yang bertugas di pintu keluar masuk kampus.